

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[AN ANALYSIS ON THE LAWS OF LIMITATION ON PRAYERS' PERFORMANCE IN
THE MOSQUE DURING THE PANDEMIC ERA OF COVID-19]**

**ANALISIS HUKUM TERHADAP LIMITASI PELAKSANAAN SOLAT
DI MASJID ERA PANDEMIK COVID-19**

NIZAITA OMAR^{1*}

ZULKIFLY MUDA²

RAJA NOOR SYUHaida RAJA YAHAYA³

SITI MURDIAH SALLEH⁴

IRFAN NOOR⁵

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

²Mantan Mufti Negeri Terengganu, MALAYSIA

³Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

⁴Fakulti Pengajian Islam, University College Bestari, Putera Jaya Bandar Permaisuri,
22100 Setiu, Terengganu, MALAYSIA

⁵Universitas Islam Negeri Antasari, Banjarmasin, INDONESIA

*Corresponding author: nizaitaomar@unisza.edu.my

Received Date: 27 March 2022 • Accepted Date: 30 April 2022

Abstract

Islam has taught and emphasised greatly on unity and solidarity among Muslims. This matter has become part of the agenda in various activities of Muslims; including in the matters of worship or ritual practices. The ultimate reason for performing prayers in the mosque, whether for Friday prayers or obligatory prayers, is to develop the unity of the ummah and revealing Islamic teachings. However, the COVID-19 pandemic phenomenon that has hit the world today requires that the implementation of prayers in mosques be studied and refined by putting in appropriate procedures and limitations to curb the spread of this epidemic. The inconsistency in terms of procedures between states in the implementation of Friday prayers and congregational prayers in mosques also invites disputes among the community. Thus, this paper will examine and analyse the procedures and limitations of the implementation from the aspect of Islamic law, based on current situation. This study uses a qualitative method through a content analysis approach and the primary source used is fatwa documents which related to the issues studied both at the national and state levels. In fact, these primary sources were analysed with a comparative approach. As a result, the findings of the study found that the differences in the

setting of procedures and limitations issued by the state authorities regarding Friday prayers and congregational prayers in mosques are common and have specific justifications based on Islamic law. The only difference is in the matter of furu' which is allowed in Islam. It is hoped that the analysis and details made through this paper will improve the negative perceptions of the public towards religious institutions in the country. In fact, hopefully this paper will be a benchmark for scholars in the field of Islamic studies to support and enhance the knowledge in the contemporary fiqh as well as to give a clear opinion for the questions and problems faced by Muslims nowadays.

Keywords: mosque, prayer, COVID-19, law, limitation

Abstrak

Ajaran Islam amat menitikberatkan soal kesatuan dan perpaduan dalam kalangan umat Islam. Perkara ini menjadi sebahagian agenda dalam pelbagai aktiviti umat Islam termasuklah dalam urusan ibadah atau amalan ritual. Tuntutan kepada pelaksanaan solat di masjid sama ada bagi solat Jumaat mahupun solat fardu adalah bertujuan untuk membina kesatuan umat dan menzahirkan syiar Islam. Namun, fenomena pandemik COVID-19 yang melanda dunia hari ini menuntut agar pelaksanaan solat di masjid dikaji dan diperhalusi dengan meletakkan prosedur dan limitasi sewajarnya bagi membendung penularan wabak ini. Ketidakeragaman dari sudut prosedur antara negeri dalam pelaksanaan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid juga mengundang pertikaian dalam kalangan masyarakat. Justeru, kertas kerja ini akan meneliti dan menganalisis terhadap prosedur dan limitasi pelaksanaannya dari aspek syarak berasaskan realiti semasa. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan. Sumber primer yang digunakan adalah dokumen fatwa yang dikeluarkan berkaitan isu dikaji sama di peringkat kebangsaan mahupun negeri. Sumber primer ini dianalisis dengan pendekatan komparatif. Hasilnya, dapatan kajian mendapati perbezaan dalam penetapan prosedur dan limitasi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa negeri berhubung solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid adalah berasas dan mempunyai sandaran serta justifikasi kukuh berpandukan hukum syarak. Perbezaan hanyalah dalam perkara furu' yang dibenarkan dalam Islam. Diharapkan, kupasan dan perincian yang dibuat melalui kertas kerja ini akan memperbaiki persepsi negatif masyarakat awam terhadap institusi keagamaan di negeri ini. Malah, kertas kerja ini diharap menjadi batu asas untuk sarjana dalam bidang pengajian Islam memperkayakan khazanah fiqh kontemporari bagi merungkai persoalan dan permasalahan semasa yang dihadapi oleh umat Islam.

Kata kunci: Masjid, Solat, COVID-19, hukum, limitasi.

Cite as: Nizaita Omar, Zulkifly Muda, Raja Noor Syuhaida Raja Yahaya, Siti Murdiah Salleh & Irfan Noor. 2022. [An Analysis on The Laws of Limitation on Prayers' Performance in The Mosque during the Pandemic Era of Covid-19] Analisis Hukum terhadap Limitasi Pelaksanaan Solat di Masjid Era COVID-19. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(1): 244-256.

PENGENALAN

Aspek kesatuan dan perpaduan amat diberi perhatian dalam ajaran Islam tanpa mengira suasana dan tempat. Syiar Islam dalam pembinaan tautan mahabbah sesama umat Islam turut dijelmakan dalam pelaksanaan ibadah termasuk solat Jumaat dan solat secara berjemaah. Kefarduan solat Jumaat dianggap oleh masyarakat umum sebagai kewajipan mutlak tanpa ada rukhsah yang membenarkan untuk tidak dilaksanakan. Begitu juga dengan kelebihan untuk solat berjemaah di masjid, tegahan untuk melaksanakannya di masjid menjadi kemarahan mereka yang istiqamah dalam ibadah ini.

Kemelum COVID-19 yang sedang melanda negara menuntut semakan rapi dibuat terhadap aktiviti perhimpunan bagi mengekang rantaian penularan virus ini. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan turut menyekat aktiviti Solat Jumaat dan Solat Berjemaah di masjid mahupun surau dalam tempoh tersebut (Zulkifli, 2020). Hingga ke hari ini prosedur dan limitasi pelaksanaan solat di masjid masih dikuatkuasakan dengan berlaku pindaan atau perubahan mengikut situasi semasa yang sedang dihadapi. Oleh itu, amat penting perincian hukum-hakam yang berkaitan dalam hal ini diketengahkan sebagai proses pendidikan kepada masyarakat dalam menghadapi suasana getir sekaligus memperlihatkan kehebatan ajaran Islam dilihat yang mampu berinteraksi dengan apa jua situasi yang ada bagi dalam memberi kemanfaatan dan menolak kemudharatan secepat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam pengumpulan data. Secara spesifiknya, reka bentuk penyelidikan yang dipilih menjurus kepada kajian dokumentasi. Data kualitatif yang dipilih lebih berfokus kepada dalil yang menjadi sumber perundangan Islam, istinbat hukum yang dikeluarkan oleh para ulama' dan penghujahan fatwa yang dikemukakan oleh institusi keagamaan berkaitan isu yang dikaji. Oleh itu, kaedah asas yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis dokumen menerusi *metode content analysis* iaitu penelitian terhadap sumber bertulis berautoriti berkenaan isu yang dikaji. Penelitian terhadap 'data sekunder tempatan' turut dilakukan dengan merujuk kepada data yang diperolehi daripada kajian-kajian penyelidikan tempatan sama ada kajian lepas atau semasa.

PENETAPAN SOLAT DI MASJID DALAM SYARIAT ISLAM

Masjid adalah lambang syiar Islam dan merupakan institusi masyarakat yang sangat penting dalam membangun kekuatan dan kesatuan ummah. Menelusuri pengertian masjid, ia dilihat sebagai tempat menghimpunkan manusia untuk melakukan aktiviti yang melambangkan kepatuhan dan pengabdian mereka kepada Allah S.W.T. Di sinilah, masjid berperanan sebagai institusi atau *madrasah* yang mampu menjana modal insan berkualiti yang berpaksikan tauhid kepada Allah, berpandukan tatacara hidup kepada Al Quran dan Sunnah, berperilaku dengan akhlak Islam serta mewarnai kehidupan dengan aktiviti kebaikan atau *amal soleh*. Justeru itulah, pembinaan Masjid Quba' merupakan tindakan pertama yang

dilakukan oleh Rasulullah S.A.W sejurus sebelum memasuki kota Madinah. Bahkan, masjid tersebut telah mencatatkan sejarah sebagai masjid pertama yang didirikan solat Jumaat oleh Rasulullah S.A.W bersama empat puluh orang sahabatnya yang lain (Ibn Hisyam, 1995). Berasaskan peristiwa ini, mazhab Syafii menyandarkan hujah bahawa kesahihan solat Jumaat adalah dengan dihadiri sekurang-kurang 40 orang (al Syawkani, t.th). Malah, sejurus tiba di Madinah, perkara pertama yang dilakukan oleh baginda Rasulullah S.A.W ialah mencari tapak yang sesuai bagi pembinaan sebuah masjid. Akhirnya sebuah masjid dibina di atas tanah kepunyaan dua orang bersaudara selepas dibayar nilai harganya oleh Rasulullah S.A.W. Masjid tersebut dikenali sebagai al Masjid al Nabawi (al Ghazali, 1976).

Dua bentuk ibadah utama yang menjadi asas dalam pengimarah masjid ialah solat Jumaat dan solat fardu berjemaah. Kewajipan dan tuntutan melaksanakan kedua ibadah ini adalah sebagaimana di bawah:

1. Solat Jumaat

Kewajipan menunaikan solat Jumaat termasuk dalam kategori fardu ain (al Syarbini 1958). Kewajipan ini dituntut ke atas setiap lelaki Islam dan ia telah dijelaskan oleh banyak nas syarak. Antaranya, Firman Allah S.W.T bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan solat pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu mengingati Allah dan tinggalkanlah jual beli”.(Surah Al Jumu’ah: 9)

Ayat di atas menunjukkan perintah solat Jumaat adalah suatu kewajipan yang dituntut. Solat Jumaat difardukan hanya kepada lelaki muslim yang merdeka, baligh, lagi bermukim seperti yang disebut dalam beberapa hadis (Al Zuhaili, 1991). Amaran bagi mereka yang meninggalkan solat Jumaat juga disampaikan melalui beberapa hadis Rasulullah S.A.W. Akibat meninggalkannya, keutuhan kesatuan ummah dan keberkatan dalam hidup akan hilang, seperti yang disebutkan dalam hadis di bawah, maksudnya:

“Sesungguhnya Allah telah memfardukan kepada kamu solat Jumaat pada hari ini, pada bulan dan pada tahun ini. Sesiapa yang meninggalkannya semasa hidupku atau selepas wafatku sedangkan masih terdapat pemimpin sama ada adil atau zalim kerana memandang ringan solat tersebut atau mengingkarinya, maka Allah akan memusnahkan kesatuan mereka dan tidak memberkati dalam urusan mereka”.(Riwayat Ibn Majah)

Kefarduan solat Jumaat juga telah disepakati oleh semua ulama Islam ke atas mereka yang menepati syarat-syaratnya serta tidak mengalami sebarang keuzuran seperti sakit, musafir dan sebagainya (al-Maqdisi, 1988; al-Hattab, t.th.). Sabda Rasulullah S.A.W bermaksud:

“Daripada Abu Hurairah r.a. katanya, “Telah datang seorang lelaki buta kepada Rasulullah S.A.W. lalu bertanya, ‘Wahai Rasulullah, tidak ada orang yang boleh memimpin saya ke masjid (untuk solat berjemaah).’ Lalu baginda memberi rukhsah untuk tidak datang ke masjid”.(Riwayat Abi Daud)

Justeru, solat Jumaat merupakan suatu kewajipan agama yang wajib disempurnakan oleh lelaki Islam yang bermukim, baligh, merdeka dan mempunyai akal yang sempurna selagimana tidak mengalami keuzuran.

2. Solat Fardu Berjemaah

Al Tahawi, al Karkhi dan sebahagian ulama Syafii berpendapat bahawa menunaikan solat fardu secara berjemaah adalah fardu kifayah ke atas lelaki muslim (al-Nawawi, 1985; al Kuhji, t.th.; Ibnu al Hummām, t.th.) berdasarkan kepada keterangan hadis Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Tidaklah ada tiga orang dalam sesuatu kampung atau kawasan yang tidak didirikan solat berjemaah, melainkan syaitan akan menguasai mereka. Berjemaahlah kamu (ketika menunaikan solat) kerana serigala akan hanya dapat menangkap kambing yang jauh daripada kumpulannya”. (Riwayat Abi Daud)

Dalam hadis sahih ini (Abadi, 1979), Rasulullah S.A.W. memerintahkan supaya mana-mana mukim yang didiami oleh sekurang-kurang tiga orang mendirikan solat fardu secara berjemaah. Pada zahir hadis, baginda tidak memerintahkannya ke atas setiap individu. Hal ini menunjukkan bahawa sekiranya didirikan solat fardu secara berjemaah oleh sebahagian penduduk sahaja, akan menggugurkan dosa semua. Itulah yang dikatakan fardu kifayah (Abd. Fattah, 1995).

Konsep fardu kifayah juga boleh dilihat berdasarkan persepsi bahawa setiap individu bertanggungjawab melakukannya dengan mengikut kadar yang termampu oleh mereka. Sesiapa yang sihat dan mampu berjalan ke masjid dan tiada halangan lain seperti bekerja mencari nafkah dan sebagainya, maka menjadi fardu ain ke atasnya hadir ke masjid untuk solat berjemaah. Peniaga-peniaga misalnya, yang tidak mampu meninggalkan perniagaan mereka hendaklah mencari jalan menunaikan solat secara berjemaah dengan cara yang sesuai dengan mereka seperti mencari masa untuk berjemaah bersama-sama dengan peniaga yang lain. Fardu kifayah dalam situasi ini tidak meletakkan kepada konsep gugur dosa apabila telah dilakukan oleh sebahagian anggota masyarakat. Konsep yang diutarakan ini adalah merujuk kepada nas-nas yang dikemukakan oleh golongan yang mengatakan bahawa solat berjemaah sebagai fardu ain. Antarnya, hadis berikut, maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda, “Demi Tuhan yang diriku berada di tangan-Nya, sesungguhnya saya berniat untuk memerintahkan supaya dikumpulkan kayu api kemudian saya

melantik seorang lelaki (dalam kalangan kamu) untuk menjadi imam solat dan saya akan pergi mendapatkan mereka yang tidak menghadiri solat secara berjemaah untuk membakar rumah-rumah mereka” (Riwayat al Nasa’i)

Namun, terdapat nas yang mengatakan solat berjemaah dikategorikan fardu kifayah dengan memakai konsep gugur dosa apabila disempurnakan oleh sebahagian anggota masyarakat. Hal ini dilihat dari sudut bahawa solat berjemaah tidak mampu dilakukan oleh semua orang kerana wujudnya keadaan yang berbeza antara mereka. Nas yang disandarkan oleh mereka menunjukkan solat fardu berjemaah adalah berstatus sunat sekaligus menjadikan kedudukannya sebagai fardu kifayah (al Nawawi, 1985; al Kuhji, t.th.; Ibn al Hummam, t.th.). Antaranya, hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Daripada Ibnu `Umar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Solat berjemaah lebih afdal daripada solat seorang diri dengan kelebihan dua puluh tujuh pahala”. (Riwayat al Nasa’i)

Athar Ibnu Mas`ud yang menyebut: “...Sekiranya kamu mendirikan solat di rumah kamu, kamu sebenar telah meninggalkan sunnah Nabi kamu. Sekiranya meninggalkan sunnah Nabi kamu, nescaya kamu akan sesat...” Perkataan “sesat” bagi sesiapa yang tidak menunaikan solat fardu secara berjemaah menunjukkan bahawa solat berjemaah adalah wajib tetapi tahapnya adalah fardu kifayah (Ibn al Hummam, t.th.).

Berasaskan tuntutan Islam terhadap kewajipan menunaikan fardu Jumaat dan solat berjemaah di masjid, maka penulisan ini mensasarkan untuk mengenal pasti secara tuntas hukum Islam terhadap kewajipan ketetapan *standard operating procedure* (SOP) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyekat atau menghadkan pelaksanaan ibadah ini di masjid sebagai langkah menghalang penularan virus dan memutuskan rantaian COVID-19.

HUKUM MENINGGALKAN SOLAT JUMAAT DAN SOLAT FARDU BERJEMAAH

Rasulullah S.A.W. secara jelas telah mengecualikan pesakit daripada menghadiri solat Jumaat yang asalnya wajib ke atasnya bersandarkan kepada hadisyang bermaksud:

“Bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda, “Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, maka hendaklah dia menunaikan solat Jumaat melainkan dia adalah seorang pesakit atau musafir atau perempuan atau kanak-kanak atau hamba abdi”.(Riwayat al Daruqutni)

Pengguguran kewajipan solat Jumaat bagi pesakit juga telah disepakati oleh para ulama seperti yang dinyatakan oleh Ibnu Rusyd (t.th.). Sebagaimana yang diketahui bahawa kesepakatan ulama atau ijmak merupakan hujah syarak yang kuat, yang wajib digunakan untuk mensabitkan hukum syarak (Ibn Rusyd, t.th.). Asas lain yang boleh digunakan sebagai

hujan pengguguran kewajipan solat Jumaat ke atas pesakit adalah berdasarkan kepada hukum Islam yang terbina di atas konsep *raf'u al haraj* atau tidak membebankan umat dalam hukum-hakamnya (Zaydan, 1987). Seseorang pesakit mungkin mengalami kemudaratan sekiranya dia diwajibkan menghadiri solat Jumaat di luar kemampuannya (al Syarbini, 1958).

Manakala hukum solat berjemaah bagi pesakit adalah bersandarkan kepada sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Daripada Ibnu `Abbas r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda, “Sesiapa yang mendengar azan lalu dia tidak menyahutnya (pergi menunaikan solat berjemaah di masjid), maka dia telah tidak melakukan solat melainkan sekiranya dia berada dalam keuzuran.” Para sahabat bertanya, “Wahai Rasulullah, apakah yang dikatakan uzur?” Baginda menjawab, “ketakutan atau sakit”.(Riwayat Abi Daud)

Menurut al San’ani (1960) hadis di atas secara menyatakan kelonggaran yang diberi kepada pesakit untuk melakukan solat berjemaah. Walaupun para ulama berselisih pendapat berhubung dengan hukum menunaikan solat fardu secara berjemaah, namun kesemua mereka bersepatat mengatakan bahawa seseorang pesakit diberi rukhsah daripada menunaikan solat fardu secara berjemaah (al Syarbini, 1958,; al Kuhji t.th., 1: 265; al Bahuti, 1983; al Maqdisi, 1988; Ibnu Hummam, t.th.; Ibnu Hazm, t.th.).

SITUASI WABAK YANG MENGGUGURKAN TUNTUTAN SOLAT DI MASJID

Berikut adalah tiga keadaan yang perlu diteliti dan diperhalusi bagi merungkai isu yang dibincangkan.

1. Penyakit yang Memudaratkan Diri Sendiri

Terdapat penyakit yang dikenal pasti menghalang penghidapnya bergerak bebas daripada melakukan sebarang aktiviti, termasuk yang berkait dengan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid. Maka, rukhsah diberikan atas sebab penyakit yang dihidapi boleh memberi kemudaratan kepada tubuh badan pesakit. Dalam perkara ini, para ulama sepatat mengatakan bahawa segala bentuk penyakit yang menyukarkan pesakit untuk pergi ke masjid bagi menunaikan solat Jumaat dianggap sebagai suatu keuzuran untuk tidak hadir menunaikan solat tersebut. Dalam berhadapan dengan suasana pandemik COVID-19, pesakit yang disahkan positif kebanyakan mereka mengalami simptom seperti demam, batuk, sesak nafas, sakit kepala, sakit sendi dan lainnya (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Tahap kesakitan mereka juga adakala mencapai tahap berat atau kritikal.

Para ulama daripada mazhab Syafii mengqiaskan penyakit yang menghalang untuk ke masjid dengan kesusahan seseorang ke masjid bagi menunaikan solat Jumaat kerana hujan (al Nawawi, 1985; al Syarbini, 1958; al Kuhji, t.th.). Nilai kesukaran yang dihadapi disebabkan hujan boleh dijadikan asas untuk menilai kadar kesulitan penyakit seseorang

yang membolehkan untuk tidak wajib menghadiri solat Jumaat. Pesakit yang tidak menghadapi kesukaran melampau seperti demam ringan, pening kepala biasa atau seumpamanya, tidak boleh atau haram meninggalkan solat Jumaat.

Para ulama Hanafi hanya meletakkan dasar umum dalam menentukan jenis-jenis penyakit yang dikecualikan seseorang itu daripada menghadiri solat Jumaat jika mengidapinya. Para ulama ini mengatakan, apa jua jenis penyakit termasuklah seseorang yang tidak mempunyai tangan dan kaki atau tidak mampu berjalan kerana tua dan sebagainya, boleh menyebabkan kewajipan solat Jumaat itu gugur daripadanya (Ibn al Hummam, t.th). Manakala para ilmuwan Islam daripada mazhab Maliki menggunakan perkataan *syiddah* atau keterlaluan untuk menilai kesukaran disebabkan penyakit sebagai asas kepada gugurnya solat Jumaat (Ibnu Rusyd, t.th.).

Pandangan ulama daripada mazhab Maliki mempunyai persamaan dengan pandangan ulama mazhab Syafii yang meletakkan asas kesukaran menghadapi hujan sebagai ukuran untuk menilai kesukaran pesakit untuk pergi ke masjid menunaikan solat Jumaat. Ini secara tidak langsung menjadikan mazhab Syafii mengiktiraf *syiddah* (kesukaran) tetapi ia diukur atau dinilai dengan hujan, sekali gus menunjukkan keseragaman pendapat antara kedua-dua mazhab tersebut.

Para ulama mazhab Hanbali mentafsirkan penyakit yang dengannya seseorang pesakit itu harus meninggalkan solat Jumaat adalah penyakit yang menjadi lebih krikital atau lambat sembuh akibat terlalu banyak bergerak (al Bahuti, 1983). Hujah ini adalah contoh tambahan kepada penyakit biasa yang menyukarkan pesakit untuk hadir solat Jumaat.

2. Penyakit berjangkit

Terdapat pesakit yang berupaya menunaikan solat Jumaat atau solat berjemaah, namun dibimbangi penyakitnya akan menjangkiti orang lain. Dalam keadaan ini, pesakit diberi pilihan, sama ada:

Pertama: Tidak hadir ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat atau solat berjemaah. Ini bermaksud, dia diberikan rukhsah untuk tidak menunaikan solat Jumaat atau solat berjemaah sekalipun berupaya melakukannya.

Kedua: Perlu menghadiri solat Jumaat, namun disediakan tempat solat khas yang dapat dipastikan tidak akan berlakunya penularan penyakit untuk mereka oleh pihak berkuasa. Ini bermakna kewajipan Jumaatnya tidak gugur dalam keadaan tersebut. Begitu juga pesakit adalah dituntut untuk melakukan solat berjemaah.

Kedua-dua pilihan ini adalah berdasarkan kepada pandangan beberapa tokoh mazhab Maliki ketika membincangkan hukum tentang solat Jumaat dan jemaah bagi pesakit kusta. Menurut pandangan mereka, keuzuran yang membolehkan ditinggalkan solat Jumaat dan jemaah ialah bagi sesiapa yang berpenyakit kusta, maka tidak wajib ke atasnya menghadiri solat tersebut supaya tidak mengganggu keselesaan orang ramai antara satu sama lain (tidak terganggu dengan keadaannya). Tetapi Ibnu Hubaib r.m.h. telah mewajibkan ke atas pesakit kusta berusaha menghadiri solat Jumaat. Beliau berpendapat bahawa tidak harus pesakit kusta dihalang memasuki masjid yang disediakan khusus

untuk mereka. Pihak pemerintah hendaklah menghalang orang lain memasuki masjid tersebut (Ibnu Rusyd, t.th.).

Kewajipan pihak berkuasa menyediakan tempat solat atau masjid khusus untuk memberi peluang kepada mereka yang berpenyakit berjangkit menunaikan solat Jumaat dalam ungkapan di atas adalah berteraskan kepada kaedah usul al fiqh iaitu sesuatu perkara wajib yang tidak dapat ditunaikan melainkan dengan sesuatu yang lain, maka perkara lain itu juga dianggap sebagai suatu yang wajib (al Nadawi, 1991).

Walaupun penyakit kusta sahaja yang disebutkan dalam petikan di atas tetapi ia hanya sebagai contoh. Ini terbukti apabila mereka juga menyatakan hukum yang sama kepada pesakit sopak (Ibnu Rusyd, t.th.; al Kursyi t.th.). Syeikh `Abd. al Karim Zaydan dalam ulasannya terhadap pernyataan ini mengatakan bahawa hukum yang dinyatakan bukan hanya terhad kepada penyakit kusta sahaja tetapi merangkumi semua penyakit berjangkit yang lain (Zaydan, 1993).

Para ulama daripada mazhab Hanbali turut membincangkan perkara ini secara umum tanpa mengaitkannya dengan solat Jumaat atau solat-solat jemaah yang lain. Syeikh Mar`i ibn Yusuf (t.th.) seorang tokoh ulama mazhab Hanbali mengatakan bahawa tidak harus bagi pesakit kusta bergaul dengan orang yang sihat. Pihak berkuasa perlu memaksa mereka untuk mendiami tempat yang khusus. Sekiranya pihak pesakit atau pihak berkuasa tidak melakukan perkara itu, maka mereka adalah berdosa. Menghadkan pergaulan antara pesakit dengan orang yang sihat merupakan satu kewajipan demi menjaga kesihatan orang ramai, bukannya untuk memencilkan pesakit. Pernyataan ulama di atas merangkumi larangan menghadiri solat Jumaat bagi pesakit kusta kerana dibimbangi penyakit tersebut akan merebak kepada orang lain.

3. Seseorang yang Sihat tetapi Bimbang Dijangkiti Penyakit

Bagi seseorang yang sihat ketika jangkitan penyakit sedang menular, maka dia juga dirukhsahkan daripada menunaikan solat fardu Jumaat atau solat berjemaah di masjid. Dalam keadaan menularnya sesuatu wabak, terdapat sesetengah tempat yang diisytiharkan sebagai kawasan wabak dan dikuarantin. Pihak luar dilarang memasuki kawasan tersebut, penduduk setempat juga ditegah keluar ke kawasan awam bagi mengelakkan jangkitan dan penularan penyakit. Dalam berhadapan situasi begini, terdapat panduan yang diberikan oleh Rasulullah S.A.W., sabda Baginda S.A.W yang bermaksud:

“Daripada Usamah ibnu Zaid r.a. bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda, “Apabila kamu mendengar penyakit taun di sesuatu tempat, maka jangan kamu memasukinya. Sekiranya ia berlaku di suatu tempat yang kamu berada dalamnya, maka janganlah kamu keluar dari tempat tersebut”.(Riwayat Al Bukahri dan Al Hathami)

Menurut tafsiran hadis sahih ini, sesiapa yang tinggal di kawasan yang tersebar wabak taun, dilarang sama sekali meninggalkan tempat itu dan keluar ke tempat lain. Ini kerana dibimbangi dia membawa kuman taun dan menyebarkannya ke kawasan lain. Sekiranya dia

berada di luar kawasan wabak taun, maka dia dilarang masuk ke kawasan tersebut kerana dibimbangi akan dijangkiti penyakit tersebut. Dalam keadaan begini, seseorang yang sihat akan berhadapan dengan risiko jangkitan penyakit sekiranya dia menghadiri solat Jumaat atau solat berjemaah di masjid, maka diberikan rukhsah daripada menunaikan kewajipan Jumaat atau solat secara berjemaah di masjid. Walaupun dalam hadis ini hanya disebut penyakit taun, ia boleh diqiaskan kepada semua penyakit yang berjangkit (Zaydan, 1993). Para ulama Islam semenjak dahulu lagi telah membincangkan tentang *al-hajr al-sihhi* atau “kuarantin kesihatan” yang memberi maksud undang-undang sekatan terhadap pesakit-pesakit daripada bergaul dengan orang ramai kerana dibimbangi akan jangkitan penyakit yang dihidapi (al Khin, 1997).

Namun, timbul persoalan berkaitan hukum sebenar yang dimaksudkan dengan larangan menghadiri diri ke tempat tertentu termasuklah menghadiri solat Jumaat dan solat jemaah kerana risiko jangkitan penyakit. Ulama Islam tidak sepakat tentang perkara ini. Sebahagian daripada mereka berpendapat larangan ini bersifat makruh sahaja, tidak sampai kepada peringkat haram (al Khin, 1997). Namun, tafsiran yang dibuat oleh Ibnu Hajar al Asqalani lebih menjurus kepada maksud larangan tersebut adalah haram (al Asqalani, 1980, 187). Ini terbukti dengan *illah* atau sebab larangan tersebut pada pandangan beliau dibuat atas konsep “larangan mencampakkan diri ke dalam kebinasaan” (al Asqalani 1980, 187) seperti yang disebut dalam al Quran, maksudnya: “...janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan (al Baqarah: 195).

Abd al Karim Zaydan (1993) ketika menyokong pandangan Ibn Hajar ini telah menambah bahawa pengharaman tersebut juga adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud: “Tidak ada sebarang mudarat dan tidak ada sesuatu yang memudaratkan” (Riwayat Ibn Majah)

Tiga situasi yang dinyatakan di atas yang membenarkan untuk seseorang meninggalkan Solat Jumaat dan solat fardu berjemaah di masjid berkait rapat dengan apa yang sedang dihadapi dalam suasana pandemik COVID-19. Keselarian hukum dengan realiti semasa ini adalah sebagaimana dalam Jadual 1.

Jadual 1. Rukhsah Meninggalkan Solat Jumaat dan Berjemaah di Masjid

Kategori	Sasaran	Huraian	COVID-19	Keputusan
Penyakit yang Memudaratkan Diri Sendiri	Pesakit	Segala bentuk penyakit yang menyukarkan pesakit untuk pergi ke masjid	Demam, batuk, sakit sendi, sakit kepala, lesu yang keterlaluan	√
Penyakit berjangkit	Pesakit	Menjangkiti orang lain	Penularan virus menerusi titisan dari hidung atau mulut yang tersebar apabila pesakit batuk atau bersin.	√
	Komuniti	Penularan penyakit daripada pesakit	Boleh dijangkiti jika mereka berada dekat dengan pesakit yang batuk atau bersin atau melepaskan titisan.	√

Sihat tetapi bimbang dijangkiti penyakit	Komuniti	Langkah pencegahan	Pencegahan wabak memutuskan rantai virus dengan SOP yang ketat untuk sebarang aktiviti dan perkumpulan terbuka	√
---	----------	--------------------	---	---

MENGHADKAN BILANGAN JEMAAH BAGI PELAKSANAAN SOLAT DI MASJID

Terdapat sedikit kekalutan di media sosial apabila terdapat beberapa negeri mula membenarkan solat Jumaat diadakan kembali setelah beberapa minggu tidak dibenarkan akibat penularan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan dengan jumlah ahli jemaah yang dibenarkan menghadiri solat Jumaat tidak mencapai 40 orang dan bilangannya juga turut berbeza. Contohnya, Garis Panduan Pelaksanaan Solat Jumaat dan Solat Berjemaah di Wilayah-Wilayah Persekutuan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) hanya membenarkan seramai 30 orang jemaah solat pada satu-satu masa. Selain itu, jemaah yang ingin menghadiri solat Jumaat juga perlu berdaftar dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan manakala golongan yang berumur 70 tahun ke atas tidak dibenarkan untuk menghadiri solat Jumaat (MKN, 2020). Suasana ini timbul disebabkan norma baru yang tidak pernah dihadapi oleh penduduk Malaysia yang beragama Islam. Sejak sekian lama rata-rata umat Islam berpegang kepada mazhab Syafie yang menjadikan jumlah 40 orang sebagai syarat sahnya solat Jumaat (al-Nawawi, 1985; Nik Rahim, 2020). Penetapan bilangan ini bersandarkan hadith Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Daripada Ka’ab bin Malik yang dikatakan sering memuji Sa’d bin Zurarah ketika azan dikumandangkan. Lalu beliau ditanya: “Mengapa engkau selalu memuji Sa’d bin Zurarah ketika mendengar azan?” Ka’ab lalu menjelaskan bahawa: "Sa’ad bin Zurarah adalah orang pertama yang mengumpulkan kami untuk mendirikan solat Jumaat." Lalu beliau ditanya: “Berapa ramaiakah bilangan kamu ketika itu? Ka’ab lalu menjawab: "40 orang.”(Riwayat Abu Daud)

Perbezaan bilangan jemaah yang dibenarkan hadir untuk solat Jumaat dalam berhadapan dengan pandemik COVID-19 bagi setiap negeri dibuat berdasarkan pandangan ulama yang melihat kerangka fekah pada sudut yang lebih luas. Perkara ini turut dibahaskan oleh Majlis Fatwa atau Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan oleh mereka yang melihat dalam kerangka fekah luas. Menurut Abu Hanifah dan Muhammad al-Syaibani, bilangan minima jemaah solat Jumaat ialah empat orang termasuk Imam. Manakala, Abu Yusuf menyatakan bahawa bilangan jemaah solat Jumaat ialah tiga orang termasuk Imam (al-Kasani, 1986; al-Nawawi, 1985). Solat Jumaat dengan bilangan minimum empat orang termasuk imam ini juga berdasarkan kepada *qaul qadim* (pandangan awal) Imam Syafii, Imam Abu Hanifah, al-Laitsi, al-Tsauri, Ibn Munzir, al-Auzaie, Abu Tsur, al-Azra’ei dan merupakan pendapat pilihan Imam Suyuti. Adapun Solat Jumaat dengan 12 jemaah merupakan pandangan mazhab Maliki bersandarkan sebuah hadis yang bermaksud:

“Daripada Jabir bin Abdullah yang menceritakan bagaimana ketika Rasulullah SAW sedang menyampaikan khutbah, tiba-tiba datang kafilah dagangan dari luar ke Madinah yang menyebabkan ramai sahabat meninggalkan Nabi yang sedang berkhotbah. Kata Jabir: “Lalu mereka (jemaah solat) berpaling (untuk pergi) ke kafilah dagangan tersebut sehinggakan yang tinggal bersama dengan Rasulullah hanyalah 12 orang sahaja.”(Riwayat al-Bukhari)

Hal ini dipanggil talfiq iaitu perbuatan mencampurkan pelbagai pendapat mazhab dalam sesuatu masalah dan tidak terikat dengan pendapat satu mazhab sahaja (Malik, 2005). Sebagai contoh, seseorang mengambil wuduk berdasarkan mazhab Hanafi tetapi solat berdasarkan mazhab Syafii yang menjadi pegangannya. Menurut pandangan ulama, talfiq dalam bentuk sebegini adalah diharuskan kerana kedua-dua amalan iaitu wuduk dan solat telah sempurna dilakukan menurut mazhab tertentu. Hal yang sama juga terpakai dalam penetapan bilangan jemaah Solat Jumaat dan situasi pandemik ini. Bahkan, bagi mengekang dan memutuskan rantaian COVID-19, SOP ketika menghadiri solat juga diperketatkan sebagai langkah berjaga-jaga, selari dengan tuntutan Islam yang amat menekankan aspek pencegahan sebagaimana dalam Jadual 2.

Jadual 2. Perbezaan Tatacara bagi Solat Berjemaah di Masjid

Situasi Biasa	Situasi Pandemik
<ul style="list-style-type: none"> ● Tiada jarak antara Jemaah dan saf adalah rapat 	<ul style="list-style-type: none"> ● Melaksanakan penjarakan sosial dalam dan luar masjid; dan jarak antara ahli jemaah adalah sejauh 1 meter
<ul style="list-style-type: none"> ● Semua peringkat umur dibenarkan datang untuk solat berjemaah 	<ul style="list-style-type: none"> ● Jemaah yang mengidap penyakit kronik, warga emas yang berumur 70 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun tidak dibenarkan hadir berjemaah di masjid
<ul style="list-style-type: none"> ● Setiap ahli jemaah tidak perlu untuk membawa sejadah sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> ● Semua ahli Jemaah yang hadir hendaklah membawa sejadah masing- masing
<ul style="list-style-type: none"> ● Tiada ketetapan tempoh masa bagi pelaksanaan solat berjemaah. Imam bebas untuk membaca surah panjang ataupun pendek 	<ul style="list-style-type: none"> ● Solat berjemaah dilakukan selama 10 -15 minit dan Imam digalakkan membaca surah atau ayat yang pendek
<ul style="list-style-type: none"> ● Imam boleh membaca zikir dan doa panjang selepas solat tanpa tempoh masa yang ditetapkan 	<ul style="list-style-type: none"> ● Selesai imam memberi salam, hanya dibenarkan zikir dan doa dengan tempoh maksima 5 minit

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, pembinaan syariat Islam adalah berasaskan kepada *maqasid* syariah dalam memberikan solusi terbaik kepada realiti yang sedang dihadapi bagi memperlihatkan keunggulan Islam yang syumul merentasi masa dan lokasi. Perintah

Kawalan Pergerakan dan sebarang bentuk prosedur yang ditetapkan oleh pihak berautoriti dalam berhadapan dengan COVID-19 berhubung aktiviti solat di majid adalah sejajar dengan ruh Islam. Tugas sebagai rakyat adalah mematuhi arahan pemerintah selagi mana ia tidak membawa kepada kekufuran dan kemaksiatan. Pastinya, perintah yang dikeluarkan yang adalah untuk menjaga keselamatan dan kemaslahatan rakyat.

RUJUKAN

- Abadi, Abu al Tayyib Muhammad Syams al Haqq al ‘Azim. (1979). ‘Awn al Ma’bud Syarh Sunan Abi Dawud. Beirut: Dar al Fikr.
- Abd al Fattah Mahmud Idris. (1995). al Rukhsah al Muta’aliqqah bi al Marad. Kaherah: Huquq al Tab’i wa al Nasyr Mahfuzah li al Muallif.
- al-‘Asqalani, Ahmad b. ‘Ali b. al Hajr. (1980). Fath al Bari bi Syarh Sahih al Imam Abu ‘Abd Allah Muhammad b. Isma’il al Bukhari. Kaherah: Matba’ah al Salafiyah
- al-Bahuti, Mansur ibn Yunus ibn al Idris (1983). Kasysyaf al Qina’ ‘an Matn al Iqna’ Beirut: ‘Alam al Kutub.
- al-Ghazali, Muhammad (1976). Fiqh Seerah. Kaherah: Dar al Kutub al Hadithiyyah
- al-Hattab, Abu abdullah Muhammad bin Muhammad (t.th). Mawawahib al Jalil. Beirut: Dar al Fikr
- Ibn al Hummam, Kamal al Din Muhammad b. ‘Abd al Wahid. (t.t.). Syarh Fath al Qadir li al ‘Ajiz al Faqir. Beirut: Dar Ihya’ al Turath al ‘Arabi.
- Ibn Hazm, Ali bin Ahmad bin Sa’id. (t.t). al Muhalla. Kaherah: Dar al Turath
- Ibn Hisham, Abu Muhammad Abdul Malik. (1995). Sirah al-Nabawiyah li Ibn Hisham. Beirut: Dar al Jil
- Ibn Rusyd, Muhammad b. Ahmad b. Muhammad al Qurtubi. (t.t.). Bidayat al Mujtahid wa Nihayat al Muqtasid. Singapura: Maktabah al Haramyn.
- al-Kasani, ‘Al a al Din Abu Bakr b. al Mas’ud (1986). Kitab Bada’i wa al Sana’i fi Tartib al Syara’i. Beirut: Dar al Kutub al ‘Ilmiyyah.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2021). Garis Panduan Umum COVID-19 dalam: <https://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/gp-umum-covid19/gp-tanda-orang-dewasa-dan-kanak-kanak-dijangkiti-covid-19>
- Kuhji, ‘Abd Al lah b. al Hasan. (t.th.). Zad al Muhtaj. al Dawhat: Idarat Ihya’ al Turath.
- Majlis Keselamatan Negara. (2020). Garis Panduan Solat Jumaat, Solat Berjemaah, Solat Tarawih dan Solat Sunat Aidilfitri di Masjid, Surau Jumaat, Surau-Surau Terpilih di Zon Hijau Wilayah-Wilayah Persekutuan dalam Tempoh Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). 16 Mei 2020
- Malik, Maszlee. 2005. Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab. Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd., cetakan 1.
- al-Maqdisi, Abu Muhammad Muwaffaq al Din ‘Abd Al lah b. al Qudamah (198). al Kafi fi Fiqh al Imam Ahmad b. Hambal. Beirut: al Maktab al Islami.
- Mustafa Sa’d al Khin. (1977). Nuzhat al Mutaqqin Syarh Riyad al Salihin. Beirut: Muasassah al Risalah.
- al-Nadawi, ‘Ali Ahmad (1991). al Qaw’id al Fiqhiyyah. Damsiq: Dar al Qalam.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhy al Din b. al Syaraf (1985). al Majmu’ Syarh al Muhadhdhab. Beirut: Dar al Fikr.
- Nik Rahim Nik Wajis. (2020). Solat Jumaat 12 Jemaah: Dari Mana Asasnya, Tinta Minda dalam: <https://bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1844538>
- al-San’ani, Muhammad b. Isma’il (1960). Subul al Salam. Pulau Pinang: Maktabah Dar al Ma’arif.

- al-Syarbini, Muhammad al Syarbini al Khatib (1958). Mughni al Muhtaj. Kaherah: Matba'ah Mustafa al Halabi
- al-Syawkani, Muhammad bin Ali bin Muhammad. (t.th). Nayl al Awtar. Kaherah: Maktabah al Kulliyat al Azhariyyah
- Zaydan, 'Abd al Karim (1993). al Mufassal fi Ahkam al Mar'ah. Beirut: Muassasah al Risalah
- al-Zuhaili, Wahbah (1991). al Tafsir al Munir. Beirut: Dar al Fikr.
- Zulkifli al-Bakri. (2020). Kenyataan Media Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). 16 Mac 2020.